

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai kaedah yang digunakan dari mula kajian dilakukan sehingga selesai. Ini termasuk kaedah dan instrumen yang digunakan untuk pengumpulan data, penghuraian sampel, penyediaan soal selidik, penghantaran dan pengumpulan semula data termasuk kadar tindak balas responden.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti beberapa perkara yang berkaitan dengan penggunaan Internet di kalangan pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya mengikut jabatan seperti cara atau bentuk penggunaan, persepsi dan sumbangan Internet khususnya dalam pembelajaran. Di samping itu, untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam penggunaan Internet oleh pelajar-pelajar tersebut.

3.2 Rekabentuk Kajian

Secara umum, setiap kajian memerlukan suatu kaedah yang baik dan sesuai. Kaedah yang tersusun kemas akan memberikan hasil dapatan yang baik (Cheeah Halimah, 1999).

Dalam sesuatu proses penyelidikan dan kajian, salah satu bahagian yang tidak kurang pentingnya adalah bahagian metode kajian atau bagaimana memilih reka bentuk kajian. Tanpa metode kajian, setiap kajian dan penyelidikan yang ingin dilakukan pasti gagal kerana ketiadaan metode kajian yang mempunyai kaitan rapat dalam setiap proses penyelidikan yang ingin dilakukan. Metode kajian sebenarnya adalah prosedur bagi

menjalankan penyelidikan daripada proses merumuskan masalah sehingga ke peringkat membuat laporan. Di samping itu, ada juga penyelidik dan penulis menggunakan istilah kaedah penyelidikan. Jadi, kaedah penyelidikan merujuk bagaimana seorang penyelidik itu mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan.

Sehubungan dengan itu, penyelidik mestilah menggunakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat yang berguna dengan perbelanjaan yang paling minimum. Kegagalan penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data dengan berkesan akan mengakibatkan penghasilan maklumat yang tidak tepat dan kabur. Keadaan ini kadangkala mengakibatkan penyelidik merasa kecewa dan mungkin gagal mencapai matlamat sesuatu penyelidikan disebabkan penggunaan kaedah atau metode kajian penyelidikan yang tidak berkesan. Pada umumnya, memilih reka bentuk suatu kaedah penyelidikan yang berkesan bagi pengumpulan data sebenarnya bergantung kepada objektif sesuatu penyelidikan. Penyelidik perlu mengenal pasti objektif dan jenis penyelidikan yang ingin dijalankan.

Metode kajian ialah teknik-teknik kajian yang mengkaji secara teratur dan teliti mengenai semua aspek sesuatu masalah itu. Dalam mengenal pasti metode kajian, perincian mungkin tidak begitu penting memandangkan cara dan teknik mungkin boleh diubahsuai selepas kajian awal dilakukan. Jika kaji selidik akan dijalankan perlulah dinyatakan bentuk kaji selidik yang hendak dilakukan itu sama ada secara pemerhatian, pos, soal selidik atau sebagainya. Bentuk-bentuk persampelan yang digunakan juga perlu dinyatakan.

Kaedah penyelidikan boleh merujuk kepada bagaimana mendapatkan maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Cara yang paling berkesan ialah dengan menggunakan kos yang minimum. Sebaliknya kegagalan menggunakan kaedah

pengumpulan data yang berkesan boleh menghasilkan maklumat yang tidak tepat dan kabur. Kaedah yang berkesan bagi pengumpulan data bergantung kepada objektif sesuatu penyelidikan dan pengumpulan data yang digunakan (Mohd. Majid, 1994).

Kaedah yang digunakan ialah kaedah deskriptif. Menurut Mohd. Majid (1994), dan Salkind (1997), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan dan juga mendapatkan maklumat mengenai sesuatu fenomena atau peristiwa yang sedang berlaku. Seringkali juga penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Penyelidikan khusus di kalangan pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya masih kurang dilakukan walaupun terdapat beberapa kajian yang pernah dilakukan secara keseluruhan dalam penggunaan Internet.

Kaedah penyelidikan ini tidak memerlukan usaha untuk mengawal sesuatu olahan. Ini kerana penyelidik tidak menentukan terlebih dahulu faktor-faktor yang mendatangkan kesan ke atas sesuatu peristiwa. Kaedah ini juga tidak bermatlamat untuk menguji kebenaran sesuatu hipotesis. Oleh itu, kaedah penyelidikan deskriptif tidak mengarah kepada penghasilan sesuatu penyelidikan baru (Mohd. Majid, 1994).

Menurut Gray (1992), kajian deskriptif melibatkan pengumpulan data dengan tujuan untuk menguji hipotesis atau menjawab soalan-soalan berkaitan subjek atau peristiwa yang dikaji. Kajian deskriptif yang biasa dijalankan melibatkan pengukuran sikap, pendapat, persepsi individu terhadap individu, organisasi, peristiwa atau prosedur. Data-data deskriptif seringkali dikumpulkan menaungi kaedah soal selidik, kajian tinjauan, temubual atau pemerhatian.

Kaedah kajian deskriptif yang dijalankan oleh pengkaji ialah kaedah tinjauan. Leedy (1993) menjelaskan bahawa kaedah tinjauan adalah satu cara untuk mengumpul

maklumat yang menerangkan sifat pelbagai set data termasuk data yang merangkumi pandangan dan sikap. Maklumat yang diperolehi juga boleh digunakan untuk menyatakan keadaan sebenar sesuatu perkara berkaitan komuniti dalam konteks yang tersendiri. Maklumat yang diperolehi juga boleh digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan yang telah dinyatakan pada awal kajian. Beliau mengakui bahawa kajian tinjauan deskriptif bertujuan untuk menerangkan sesuatu keadaan atau bidang kajian dengan tepat, berpandukan fakta sebenar dan dilakukan secara sistematis.

Gazalba (1981) pula menerangkan bahawa penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah bersifat umum. Kaedah ini hanya membolehkan pengkaji memahami keseluruhan skop kajian dengan sampel yang kecil. Data yang dikumpul pula bersifat kuantitatif dan boleh dianalisa secara logik.

Kita sedia maklum bahawa kajian tinjauan adalah teknik penyelidikan yang sangat tua dan kerap digunakan dalam mengumpul data yang asli bagi menggambarkan sesuatu populasi (Babbie, 1986).

Penyelidikan berbentuk tinjauan dapat dikelaskan sebagai field-survey atau penyiasatan lapangan. Penyelidikan ini dibuat di lapangan atau dengan kata lain ia tidak dibuat di dalam makmal, di dalam sesuatu rumah ataupun bangunan. Penyelidikan tinjauan adalah suatu jenis penyelidikan yang paling popular dan lazimnya kajian ini berdasarkan kepada suatu sampel rawak yang dicabut daripada populasi. Ia adalah suatu kaedah pengumpulan data yang bersifat perbandingan dengan teknik yang lain. Kaedah ini bermatlamat mengumpulkan maklumat berkaitan pemboleh ubah-pemboleh ubah. Kajian tinjauan digunakan bagi mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah tersebut wujud (Rohana, 2003).

Tujuan penyelidikan tinjauan adalah mengumpul data bagi menghuraikan sifat atau ciri pada responden. Kaedah tinjauan digunakan kerana terdapat sesetengah kajian yang sukar dilakukan dengan hanya menggunakan cara-cara yang lain. Ini kerana sesetengah kajian melibatkan kumpulan yang besar ataupun maklumat yang berunsur ‘generalisasi’ diperlukan. Terdapat tiga kaedah dalam mengumpulkan data tinjauan iaitu dengan soal selidik, menggunakan temubual perseorangan dan temubual melalui telefon (Mahmood dan Sabitha, 1998).

Di samping itu, pengkaji juga menggunakan kaedah sejarah, iaitu satu metode penyelidikan yang mengaplikasikan pemecahan ilmiah dari perspektif tentang masalah yang dikaji dalam kajian ini (Drew, 1996). Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui tentang sejarah perkembangan Internet sama ada sejarah umum dan sejarah kemunculannya di Malaysia. Selain mengetahui sejarah perkembangan Internet, pengkaji juga dapat mengetahui sejarah dan latar belakang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang merupakan kawasan kajian ini.

3.3 Alat Kajian

Untuk mengumpul data, alat kajian yang digunakan ialah set borang soal selidik. Pengkaji menggunakan soalan berbentuk soalan tertutup dan soalan terbuka. Menurut Babbie (1993), soalan tertutup memberi keseragaman dalam jawapan dan senang diproses. Bailey (1992) pula menyatakan bahawa soalan berpilihan tetap ialah jawapannya adalah lebih mudah untuk dikodkan dan dianalisis terus daripada borang soal selidik, menjimatkan masa dan wang. Menurut beliau juga, soalan terbuka boleh digunakan walaupun semua kemungkinan kategori-kategori jawapan tidak diketahui atau apabila pengkaji ingin mengetahui pandangan responden tentang kategori-kategori

jawapan yang sesuai. Malah soalan jenis ini membenarkan responden memberi jawapan yang lengkap dan memberi peluang untuk menggunakan daya kreatif mereka. Melalui soalan terbuka, pengkaji berharap akan mendapat tahu pendirian, cadangan dan sebab-sebab responden mempunyai pandangan tertentu terhadap perkhidmatan, kemudahan, fungsi dan peranan Internet dan cara-cara menggunakannya dalam aspek pembelajaran.

3.4 Populasi dan Persampelan

Populasi bermaksud sekumpulan objek, benda, kejadian ataupun individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji oleh penyelidik. Menurut Mohd. Majid (2000), populasi menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpulkan dan dianalisis. Pentafsiran dan inferens berkenaan data dan maklumat yang dikumpulkan juga dipengaruhi dan terbatas kepada populasi yang dikaji. Populasi yang besar dan rumit memerlukan masa, tenaga dan kewangan yang banyak berbanding populasi yang kecil dan rendah. Oleh yang demikian, bagi menjalankan penyelidikan dengan berkesan kita perlu mengenal pasti populasi dengan tepat dan jelas.

Persampelan pula ialah satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji bagi membolehkan kita membuat satu generalisasi berkaitan populasi itu. Sampel juga merupakan sebahagian daripada populasi yang dipilih dengan menggunakan satu kaedah pemilihan sampel bagi mewakili keseluruhan populasi. Persampelan adalah suatu langkah yang penting dalam kita mulakan sesuatu penyelidikan. Ini kerana persampelan dan populasi adalah suatu konsep yang penting dan perlu dirangka dengan baik dalam memungut data (Rohana, 2003).

Sampel kajian haruslah dapat mewakili kepada populasi yang dikaji. Penyelidik harus menggunakan ujian-ujian statistik yang sesuai bagi menganalisis data-data yang

diperoleh. Kaedah peninjauan sememangnya popular kerana ia dapat memberi gambaran yang menyeluruh serta semasa berkaitan fenomena yang dikaji. Kajian tinjauan adalah satu cara yang spesifik bagi mengumpulkan maklumat mengenai populasi. Justeru, pengkaji akan menyelaras teknik tinjauan terlebih dahulu bagi menentukan cara khas dan alat penyelidikan yang sesuai dan praktikal dengan mengambil kira kriteria seperti masa, kos dan peraturan-peraturan tempat kajian dibuat. Penyelidik turut sama dengan responden iaitu menggunakan aplikasi berborak bagi mengetahui pengalaman dan aktiviti serta sikap responden (Mohd. Shafie, 1991).

Sampel kajian terdiri daripada pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya iaitu 100 orang pelajar yang merangkumi tahap Ijazah Dasar, Ijazah Tinggi dan Doktor Falsafah. Pengkaji mengedarkan soal selidik berdasarkan senarai 4 bahagian utama yang terdapat di Akademi Pengajian Islam tersebut iaitu Bahagian Syariah, Usulluddin, Pendidikan Islam dan Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam. Bilangan responden seramai 100 orang tersebut telah dipilih secara rawak daripada keseluruhan pelajar API yang mempunyai bilangan hampir 3000 orang. Pengkaji memilih seramai 100 orang responden kerana pemilihan sampel mudah (convenient sample) dan 100 orang responden ini mewakili 3% daripada populasi pelajar-pelajar API.

3.5 Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian ialah dengan menggunakan soal selidik (Sila lihat lampiran) Penggunaan soal selidik sering digunakan bagi membolehkan maklumat diperolehi dengan perbelanjaan yang minimum (Mohd. Majid, 1994).

Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Secara umumnya, terdapat 2 jenis soal

selidik iaitu soal selidik jawapan dipilih bilamana subjek dikehendaki memilih jawapan yang disediakan. Jenis kedua ialah soal selidik jawapan tidak diberi. Subjek sendiri dikehendaki menjawab soalan di dalam soal selidik (Mohd. Majid, 1994). Pengkaji memilih soalan jenis yang pertama dan kedua bagi memudahkan pengumpulan data. Soal selidik ini mempunyai 11 soalan utama daripada 5 bahagian seperti berikut:

- i) Bahagian A : Profil peribadi responden
- ii) Bahagian B : Persepsi pelajar terhadap penggunaan Internet
- iii) Bahagian C : Corak penggunaan Internet dalam pembelajaran
- iv) Bahagian D : Sumbangan Internet dalam pembelajaran
- v) Bahagian E : Masalah pengaksesan dan penggunaan Internet

Bahagian A merupakan bahagian yang berkaitan dengan profil peribadi responden iaitu terdapat soalan-soalan yang menyoal tentang status pengajian responden, bahagian dan jabatan, jantina dan umur. Profil peribadi responden adalah penting untuk aspek pengenalan diri responden yang terlibat di dalam soal selidik ini.

Bahagian B pula merupakan bahagian mengenai persepsi responden terhadap Internet. Bahagian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada persepsi atau pendapat responden bersifat positif atau negatif mengenai Internet dalam proses pembelajaran mereka.

Bahagian C pula berkenaan aspek corak penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang merupakan responden kepada kajian ini. Bahagian ini bertujuan untuk mengenal pasti lokasi penggunaan Internet secara umum, pengetahuan terhadap aplikasi asas Internet, cara mengakses Internet dan ISP (*Information Service Provider*) yang digunakan oleh responden. Selain itu, bahagian ini

juga bertujuan untuk mengetahui mengenai kekerapan penggunaan Internet secara umumnya dari aspek tempoh hari dalam sebulan dan tempoh masa setiap kali penggunaannya.

Bahagian D adalah berkaitan dengan sumbangan Internet, khususnya dalam proses pembelajaran responden. Ia juga berkisar tentang apakah tugasan yang dilakukan oleh responden dengan bantuan daripada maklumat atau bahan yang terdapat di Internet.

Bahagian E pula merupakan bahagian yang memfokuskan mengenai masalah yang dihadapi oleh pelajar dari aspek pengaksesan dan penggunaan Internet. Bahagian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah masalah atau halangan yang dihadapi oleh responden sama ada masalah yang berbentuk teori, praktikal, persekitaran dan sebagainya.

3.6 Kawasan Kajian

3.6.1 Latar Belakang Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya seperitimana yang ada pada hari ini merupakan gabungan antara jabatan Pengajian Islam dan Akademi Islam. Sebelum ini, kedua-dua institusi tersebut merupakan institusi-institusi yang tersendiri dalam Universiti Malaya.

Jabatan Pengajian Islam ditubuhkan pada tahun 1959 hasil dari hubungan yang formal antara Kolej Islam Malaya pada waktu itu dan Universiti Malaya. Sejak dari waktu itu, Majlis Kolej Islam berfungsi sebagai penguasa eksekutif kepada jabatan berkenaan, manakala Senat Universiti Malaya pula mengawasi segala yang berhubung dengan hal-hal akademik.

Apabila Majlis Kolej Islam Malaya dibubarkan pada tahun 1970, Jabatan Pengajian Islam telah diletakkan di bawah bidang kuasa Majlis dan Senat Universiti Malaya. Selama tempoh tersebut sehingga ia bergabung dengan Akademi Pengajian Islam pada bulan April 1996, jabatan ini merupakan sebuah jabatan di bawah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.

Akademi Islam pula ditubuhkan pada tahun 1981 hasil pengambilan alih Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) yang telah ditubuhkan pada tahun 1965. Ia mengandungi dua buah fakulti, iaitu Fakulti Syariah dan Fakulti Usulluddin, satu program ijazah, iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dan satu program matrikulasi iaitu Pra Akademi Islam (Buku Panduan, 2003).

Bagi memperkuuhkan pentadbiran akademik di Akademi Pengajian Islam ini, kini terdapat empat bahagian utama di API iaitu :

1. Bahagian Syariah
2. Bahagian Usulluddin
3. Bahagian Pendidikan Islam
4. Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam

Selain itu, sembilan jabatan dan tiga program telah ditubuhkan. Jabatan-jabatan dan program-program tersebut adalah seperti:

1. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
2. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan
3. Jabatan Fiqh dan Usul
4. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith
5. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam

6. Jabatan Siasah Syar'iyyah
7. Jabatan Syariah dan Ekonomi
8. Jabatan Syariah dan Pengurusan
9. Jabatan Syariah dan Undang-undang
10. Program Pendidikan Islam
11. Program Pengajian Islam
12. Program Sains Gunaan dan Pengajian Islam

Ringkasnya, kawasan kajian yang dipilih iaitu Akademi Pengajian Islam (API) merupakan salah satu fakulti yang terdapat di Universiti Malaya. Kawasan ini dipilih bertujuan untuk mengetahui mengenai penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar pengkhususan Agama Islam selain dari faktor lokasi yang memudahkan pihak pengkaji menjalankan kajian ini.

3.7 Penyediaan Soal Selidik

Pengkaji merangka soal selidik berpandukan kepada soalan penyelidikan yang dibentuk berdasarkan objektif kajian. Muka surat hadapan soal selidik adalah merupakan pengenalan secara ringkas kepada kajian yang menyatakan mengenai tujuan kajian dijalankan secara ringkas, bagaimana dan kepada siapa soal selidik ini perlu dikembalikan. Tempoh sehingga masa yang sesuai diberikan sebagai garis panduan kepada pelajar tersebut agar mereka tidak mengambil masa terlalu lama untuk menjawab dan memulangkannya.

Sebelum soal selidik tersebut diedarkan kepada pelajar API, ujian ‘pilot’ dilakukan untuk memastikan agar soalan yang dikemukakan adalah sesuai, tidak

mengelirukan dan dapat memudahkan responden menjawab soalan serta bersesuaian dengan tujuan kajian dijalankan. Ini juga dapat membantu penyelidik mengenal pasti masalah yang boleh timbul semasa kajian dijalankan (Abdalla, 1998).

Ujian ‘pilot’ boleh memberitahu apa yang akan diselidiki, boleh mempengaruhi mata keputusan, juga meningkatkan kesahan kepada kajian, membuatkan keadaan lebih sesuai dan memaksimakan soalan yang terlalu umum dalam kajian (Salkind, 1997).

Subjek dalam ujian ‘pilot’ ini telah dipilih secara rawak di kalangan pelajar API iaitu seramai 20 orang dan telah diantar melalui tangan. Ujian ‘pilot’ ini dilakukan secara terus semasa pengkaji menemui mereka. Responden akan memberi pandangan dan cadangan agar soal selidik ini boleh mengelakkan kekeliruan kepada responden ketika menjawab soalan soal selidik tersebut. Dengan tindak balas tersebut, pengkaji akan mengkaji semula soal selidik dan memperbaikinya mengikut kesesuaian.

3.8 Pengedaran Soal Selidik

Pengedaran soal selidik adalah dengan menghantar set soalan selidik kepada responden dengan menggunakan tangan. Pengkaji tidak menggunakan kaedah pos atau e-mail kepada responden yang terlibat.

3.9 Analisa Data

Soal selidik yang diterima akan diberi nombor agar mudah untuk dikenal pasti dalam proses penganalisaan data. Data dianalisa sebaik sahaja semua soal selidik diterima daripada responden menggunakan perisian ‘Statistical Packages for the Social Sciences’ (SPSS). Secara umumnya pengkaji berpuas hati terhadap jawapan yang diberikan oleh responden cuma segelintir yang tidak menjawab soalan mengikut kehendak soalan

ataupun tidak berminat untuk membuat pengiraan. Masalah ini dapat diatasi oleh penulis dengan memberikan jawapan mengikut rasional berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden lain. Tidak ada soal selidik yang rosak ataupun tidak dapat digunakan.

Dari aspek kelemahan analisa data ini, pengkaji berpendapat bahawa pengkaji boleh menggunakan alternatif selain daripada kaedah yang digunakan. Contohnya dari aspek pengedaran soal selidik, selain daripada mengedarkannya menggunakan tangan, pengkaji juga boleh menggunakan kaedah temubual yang mana kadar maklum balas yang diterima lebih mendalam, tetapi cara ini akan mengambil masa yang agak lama untuk bertemu dengan setiap responden.

Di samping itu, pengkaji turut menemuramah secara ringkas kepada pihak-pihak tertentu sama ada secara bersemuka atau melalui telefon bagi memastikan maklumat yang diperolehi tidak bercanggah dengan fakta sebenar yang diperolehi oleh pengkaji.

Ringkasnya, pengkaji tidak menghadapi masalah dan halangan yang berat dalam menjalankan kajian ini dan pengkaji juga mendapat respon dan kerjasama yang baik daripada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjalankan penyelidikan.